



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**MODUL KECEMERLANGAN
TINGKATAN 5**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
2 JAM**

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Modul ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.**
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas modul ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A


[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan penggunaan e-dompet.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **penggunaan e-dompet**.**Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*


E-dompet ialah aplikasi digital yang wujud seiring dengan perkembangan sistem pembayaran tanpa tunai. Aplikasi ini melibatkan penyimpanan data kad debit dan kad kredit. Di Malaysia, entiti yang menyediakan perkhidmatan e-dompet termasuklah Touch 'n Go eWallet, Boost dan GrabPay.

Sumber: <https://www.bnm.gov.my>

Jimat Masa



e-dompet



NIKMATI MATA GANJARAN



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Menurut laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, satu daripada empat orang dewasa di Malaysia menyatakan bahawa mereka mengalami stres yang ketara dalam kehidupan seharian. Keadaan ini menunjukkan bahawa stres semakin menjadi isu kesihatan awam yang serius. Beban tugas yang berlebihan dan masalah kewangan dikenal pasti antara punca utama kes ini. Selain itu, konflik dalam hubungan sosial turut menyumbang kepada peningkatan kes stres dalam kalangan masyarakat.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan
dan Morbiditi (NHMS) 2023

Berdasarkan petikan di atas, huraikan punca-punca peningkatan kes tersebut dalam kalangan masyarakat.

2. Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Dengan slogan “KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan”, pengiktirafan ini diharap dapat menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sumber: ‘Kuala Lumpur Kota Buku Dunia’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk menyemarakkannya selain saranan yang dinyatakan dalam petikan di atas.

3.

Kebaikan Aktiviti Kemasyarakatan

Berkilau emas milik Siratu,
 Susun bertingkat berselang suasa;
 Gotong-royong simbol penyatu,
 Terkukuh perpaduan aman sentosa.

Bermain sembilang di kejar gelama,
 Jadi tatapan anak pangeran;
 Berkongsi rezeki teguh bersama,
 Erat hubungan sesama jiran.

Segak penggawa pandai meramal,
 Berbaju layang berkain satin;
 Ziarah tetangga perlu diamal,
 Demi menyemai sifat prihatin.

ZNR Padang Kinta, Mei 2025

Pantun di atas menyatakan kebaikan-kebaikan aktiviti kemasyarakatan.
 Huraikan kebaikan-kebaikan tersebut.

4.

PUTATAN: Panik ketika menerima panggilan dan sifat tamak untuk memperoleh pulangan pelaburan tinggi menjadi antara punca jumlah mangsa kes jenayah 'scam' atau penipuan dalam talian semakin meningkat, kata Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jauteh Dikun.

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Sebagai respon terhadap kandungan petikan di atas, tulis sebuah rencana tentang langkah-langkah mengelakkan diri daripada terperangkap dalam jenayah tersebut.

SOALAN MODUL TAMAT